



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja seperti berikut :-

| BIL | BUTIR-BUTIR TAWARAN | KELAS PENDAFTARAN | TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN | HARGA DOKUMEN | TARIKH TUTUP |
|-----|---|---|--|-----------------|---|
| 1. | <p>KERJA-KERJA MENAIKTARAF BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI LILY, SAUJANA UTAMA, SUNGAI BULOH, SELANGOR DARUL EHSAN DI BAWAH TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) TAHUN 2025</p> <p>No. Sebutharga: MPKS SH 69 / 2025</p> | <p>Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE 21</p> | <p>Mulai 06.05.2025 Hingga 13.05.2025</p> | <p>RM 70.00</p> | <p>14.05.2025 (jam 12 t/hari)</p> |

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga **boleh dibeli secara atas talian melalui laman sesawang <https://ip3ks.mpks.gov.my>** bermula 6 Mei 2025 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap semasa penghantaran dokumen.

* *Penyata Bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan perlu disertakan bagi tawaran kerja Gred Pendaftaran G2 sehingga G7*

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Perbandaran Kuala Selangor sebelum atau pada 14 Mei 2025, jam 12.00 tengahari.**

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

(TPr. Haji Mohamad Yusli Bin Askandar A.I.S., P.P.C.)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

QS/azw/iklan sh/02052025

Tarikh: 5 Mei 2025